

# AMANAHSyor gandingan semula Dr Mahathir, Anwar

BH - 27/2/2020 ml: 7

Mohamad minta semua pihak cari titik persamaan seperti PRU lalu

Oleh Rohaniza Idris dan Mohd Nasaruddin Parzi  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kemenangan Pakatan Harapan (PH) pada Pilihan Raya Umum (PRU) lalu bukan kerana gabungan itu mempunyai manifesto menarik atau rakyat bosan dengan kerajaan pimpinan Datuk Seri Najib Razak.

Sebaliknya, Presiden Parti Amanah Negara (AMANAHS), Mohamad Sabu, menjelaskan kemenangan itu disebabkan gandingan dua tokoh negara antara bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dengan Pre-

siden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Justeru, beliau meminta semua pihak mencari titik persamaan seperti pilihan raya lalu sebagai strategi untuk menang pada pilihan raya akan datang.

“Benar, kemenangan kita pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) dimungkinkan kerana gandingan dua tokoh legenda dan negarawan, iaitu Dr Mahathir dan Anwar Ibrahim.

“Namun, faktor penentu dalam menjayakan cita-cita kita untuk menumbangkan kerajaan kleptokrat Najib-BN ialah penampilan satu *grand coalition* padu atau satu koalisi raksasa, menggembeng seluruh tenaga pembangkang bersama rangkaian pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

“Kita wajar mencari sentuhan ajaib seperti PRU lalu untuk kembali melakar strategi bagi menjayakan impian untuk memenangi kembali Putrajaya pada Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15) akan datang,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan Pidato Presiden sempena Konvensyen Nasional 2020 AMANAHS di Bukit Katil, Melaka yang disiarkan secara langsung di Facebook rasmi AMANAHS, semalam.

Mengulas lanjut, Mohamad yang juga Ahli Parlimen Kota Raja berkata, AMANAHS sedia menjadi jambatan menghubungkan semula pemimpin utama serta parti pembangkang supaya menjadi satu gabungan besar bagi mendepani PRU-15 akan datang.

Beliau yakin, PH mampu mencari titik persamaan ini dan mengukuhkan kembali hubungan antara semua pemimpin pembangkang sedia ada.

“Kalau kita berpecah kita akan ulangi kesilapan musuh. Saya yakin parti utama dalam PH, kita akan cari satu titik pertemuan. Dalam dunia politik, sememangnya tidak ada kawan yang kekal dan lawan yang kekal, sebaliknya yang kekal adalah perjuangan kita.

“Saya bersedia menjadi jambatan penghubung yang biarpun dijadikan tempat berpijak, demi rakyat dan negara tercinta ini, saya akan lakukan seperti yang sudah kita sama-sama galas dulu,” katanya.

Mohamad berkata, PH mesti mempunyai komitmen untuk mengatasi apa juga permasalahan mengenai kepemimpinan, dasar serta program dengan berpandukan musyawarah dan konsensus dengan berani serta terbuka di peringkat Majlis Presiden PH.

“Ketelusan dan perkongsian inilah yang membina tahap kepercayaan tinggi dalam kalangan pemimpin tertinggi PH sejak sekian lamanya. Amat diakui amalan dan tradisi ini sedikit terjejas akhir-akhir ini.

“Menyongsong ke hadapan, saya berpandangan adalah mustahak untuk AMANAHS terus berperanan memperkukuhkan PH. Bahkan lebih mustahak lagi adalah untuk melebarkan kerjasama PH dengan semua



**AMANAHS** sedia menjadi jambatan menghubungkan semula pemimpin utama serta parti pembangkang supaya menjadi satu gabungan besar bagi mendepani PRU-15 akan datang.

Mohamad Sabu,  
Presiden AMANAHS

pihak dan parti pembangkang yang lain buat menjalinkan satu *grand realignment* sebelum kita berjaya membentuk sekali lagi satu *grand coalition*,” katanya.